



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

PRESS KIT

SEBERANG PERAI SEBAGAI AHLI *WORLD HEALTH ORGANIZATION'S (WHO) GLOBAL NETWORK OF AGE-FRIENDLY CITIES AND COMMUNITIES*

29 JANUARI 2026

MENARA BANDARAYA, MBSP

1.0 TUJUAN

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menjadi Ahli *World Health Organization's (WHO) Global Network* untuk melaksanakan *Age-Friendly Cities And Communities* yang dikenali dengan AFC di Seberang Perai pada 1 Disember 2025.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 *Age-Friendly City* atau Bandar Mesra Usia (AFC) adalah rangka kerja yang dibangunkan oleh World Health Organization (WHO) dengan mengambil kira keperluan dan keutamaan khusus orang dewasa yang lebih tua. Rangka kerja tersebut menyediakan persekitaran selamat dan inklusif kepada semua kumpulan umur terutamanya warga emas.
- 2.2 Bagi meneruskan usaha dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia, pihak Kerajaan Negeri secara konsisten menyediakan persekitaran mesra usia kepada rakyat Pulau Pinang. Dalam Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil.25/2025 yang bersidang pada 20 Ogos 2025 dan disahkan pada 27 Ogos 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan peruntukan untuk pelaksanaan bandar mesra usia atau Age Friendly City Seberang Perai (AFCSP).
- 2.3 Pihak MBSP telah mengemukakan permohonan kepada WHO pada bulan November 2025 dan pada 1 Disember 2025, MBSP diiktiraf menjadi ahli *World Health Organization's (WHO) Global Network* untuk *Age Friendly Cities and Communities (GNAFCC)* seperti di Lampiran.


3.0 PELAKSANAAN AFCSP

- 3.1 WHO mencadangkan lapan (8) domain yang saling berkaitan yang membantu mengenalpasti dan menangani halangan kepada kesejahteraan. Domain ini juga menjadi panduan kepada MBSP dalam memastikan kewujudan persekitaran yang mengalakkan penuaan aktif dan sihat.
- 3.2 Lapan (8) domain tersebut adalah Ruang Awam dan Bangunan, Sistem Pengangkutan, Sistem Perumahan, Penglibatan Sosial, Saling Menghormati dan Keterangkuman Gender, Penglibatan Sivik dan Peluang Pekerjaan, Berkomunikasi dan Informasi serta domain terakhir adalah Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan.



Gambar rajah 1 : 8 domain dalam AFC

- 3.3 Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pemandu AFCSP telah dibentuk yang turut melibatkan jabatan-jabatan teknikal dalaman dan juga agensi luar dalam memastikan matlamat pelaksanaan AFC tercapai.
- 3.4 Inisiatif AFCSP akan dilaksanakan oleh MBSP bermula November 2025 sehingga 2028 dengan kerjasama PWDC. Terdapat tiga (3) fasa iaitu :



Gambarajah 2 : Fasa bagi melaksanakan AFC

- 3.5 Di antara aktiviti-aktiviti yang dicadangkan adalah mengadakan empat (4) Kumpulan Tumpu Bincang untuk mendapatkan *input* daripada komuniti Seberang Perai dalam menjalankan *need assessment* bagi merangka satu Pelan Tindakan Strategik AFCSP pada tahun 2026.

4.0 KESIMPULAN

MBSB menjangkakan dengan pelaksanaan AFC di Seberang Perai akan meningkatkan *liveability* dan kesejahteraan warga emas. Di samping, memupuk hubungan antara generasi dan komuniti yang lebih inklusif untuk penduduk semua peringkat umur.

Disediakan oleh



(LATIFAH BINTI RAZALI)

Pengarah Khidmat Pengurusan
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Tarikh : 15 Januari 2026

Diluluskan untuk sidang akhbar pada : 29 Januari 2026



(DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID)

~~Datuk Bandar~~
Majlis Bandaraya Seberang Perai

LR/rr



World Health
Organization



WHO Global Network
for Age-friendly Cities
and Communities

This is to certify that

Seberang Perai

is a member of the
World Health Organization's
Global Network for Age-friendly Cities
and Communities

Members of the Network share and promote
the values and principles of the World Health Organization's
age-friendly approach, commit to creating
age-friendly environments and agree to participate actively in the Network.

Thiago Hérick de Sá
WHO Global Network for Age-friendly Cities and Communities
Department of Health Determinants, Promotion and Prevention
World Health Organization
Geneva, Switzerland